

30/05/1999

Gaji: MIC wujud jawatankuasa khas

Ahmad Burak

SHAH ALAM: MIC menubuhkan sebuah jawatankuasa khas untuk mengumpul maklumat dan pandangan daripada pelbagai pihak termasuk pakar untuk mengemukakan cadangan dalam melaksanakan skim gaji bulanan pekerja ladang di negara ini.

Sambil menyifatkan pelaksanaan skim itu sudah tertangguh begitu lama, Presidennya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata pihaknya dijangka mengambil masa antara empat hingga lima minggu bagi membincang serta menyiapkan kertas cadangan yang akan dikemukakan kepada Kabinet.

Menurutnya, jawatankuasa yang dipengerusikan beliau sendiri serta dianggotai antara tujuh dan lapan anggota itu akan mendapatkan pandangan daripada beberapa pakar serta peguam mengenai skim gaji bulanan pekerja ladang berkenaan.

"Kita akan menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed apabila beliau balik dari luar negara bagi memberi penjelasan mengenai skim itu," katanya selepas merasmikan konvensyen ke-53 MIC Selangor di sini, semalam.

Samy yang juga Menteri Kerjaraya berkata, selepas itu, MIC akan menghantar kertas cadangan kepada Kabinet untuk mendapatkan pertimbangan sewajarnya bagi melaksanakan skim gaji bulanan itu.

Menurutnya, MIC akan memperjuangkan isu skim gaji bulanan pekerja ladang itu bersungguh-sungguh sebagai satu daripada agenda penting parti untuk kepentingan ahli dan golongan yang terbabit.

Sehubungan itu, beliau mengucapkan terima kasih kepada Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek yang menunjukkan komitmen tinggi membantu menyelesaikan isu yang berlarutan sejak sekian lama itu.

Terdahulu ketika merasmikan konvensyen itu, Samy memberi jaminan MIC akan terus memperjuangkan hak pekerja ladang di peringkat Kabinet, bukan melalui demonstrasi.

"Saya berjanji MIC akan terus memperjuangkan hak pekerja ladang sehingga kita berjaya menebus maruah mereka.

"Sejak permulaan abad ini, masyarakat India kekurangan prasarana sempurna untuk membolehkan mereka mempertingkatkan keadaan sosial, ekonomi dan pendidikan," katanya.

Samy berkata, sementara masyarakat Malaysia lain sibuk memaju dan memperkembangkan keadaan prasarana sosial dan ekonomi mereka, kaum India masih sibuk dengan perjuangan kelangsungan hidup sebagai buruh bergaji harian jaminan sebarang jaminan hidup.

Pada konvensyen yang sama, MIC mengumpul sumbangan sebanyak RM77,368 untuk membantu keluarga pelajar Sekolah Perempuan Methodist, Audrey Mellisa yang mati dibunuh baru-baru ini.

Sumbangan itu hasil kutipan yang dibuat daripada semua pemimpin parti, termasuk menteri, timbalan menteri, setiausaha Parlimen, anggota Parlimen, senator, anggota Exco dan Ahli Dewan Undangan Negeri.

Ketika mengumumkan hasil kutipan itu, Samy berkata, sumbangan itu diharap dapat meringankan beban ibu Melissa menjelaskan baki bayaran rumah serta keperluan lain.

(END)